

Ringankan beban mahasiswa

# Foodbank diperluas

Oleh **SOFIAN BAHAROM**

pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 18 MAC**

**K**EMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memutuskan untuk memperluas program Foodbank Malaysia susulan isu golongan mahasiswa mengikat perut seperti dilaporkan media baru-baru ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, program Foodbank Malaysia akan diperluas ke kampus universiti awam dengan menyalurkan bantuan makanan kepada mahasiswa memerlukan.

Menurutnya, KPDNHEP memainkan peranan sebagai penghubung dan mendapatkan komitmen daripada pasar raya untuk menyumbangkan lebih makanan (food surplus) yang masih selamat untuk dimakan dan diambil oleh rakan strategik kementerian iaitu Food Aid Foundation, Kechara Soup Kitchen dan Mutiara Foodbank bagi tujuan pengagihan.

“Saya mengambil maklum isu mahasiswa mengikat perut seperti dilapor-

kan oleh media sebagai berita utama baru-baru ini.

“Isu ini telah mendapat perhatian Kabinet dan topik ini dibincangkan secara mendalam bersama Kabinet,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sebuah akhbar berbahasa Melayu baru-baru ini melaporkan tentang peritjerih mahasiswa di Universiti Malaya (UM) yang terpaksa menahan lapar akibat kekangan kewangan.

Dalam pada itu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, kementeriannya telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta kepada KPDNHEP bagi menyediakan 14 unit lori dilengkapi pendingin untuk kegunaan program Foodbank Malaysia.

Beliau berkata, menerusi Foodbank Malaysia, makanan percuma dapat diedarkan kepada golongan berpendapatan rendah (B40) termasuk di 20 universiti awam.

Ditanya tentang mekanisme digunakan bagi memastikan kejayaan program berkenaan, Saifuddin berkata, operasi Foodbank Malaysia di kampus universiti awam akan dikendalikan oleh mahasiswa dengan sokongan KPDNHEP dan rakan strategik kementerian bagi memperkasa kempen kesukarelawanan di peringkat universiti.



**SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL** bersama **Lim Guan Eng** menunjukkan gambar program Food Bank di Putrajaya, semalam. Turut hadir **Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ir. Amiruddin Hamzah**. - BERNAMA

## 50% pelajar universiti awam B40

**PUTRAJAYA 18 Mac** - Secara purata kira-kira 50 peratus pelajar di universiti awam hari ini datang daripada golongan berpendapatan rendah (B40), dedah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Jelasnya, sebuah universiti di Pantai Timur juga melaporkan kepada beliau bahawa mereka mempunyai 1,700 pelajar yang datang daripada keluarga berpendapatan RM1,000 ke bawah.

“Malah berdasarkan laporan yang saya terima, secara purata kira-kira 50 peratus pelajar di universiti awam hari ini datang daripada golongan B40,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dalam pada itu, Saifuddin menambah, program Foodbank Malaysia sudah bermula di Universiti Kebangsaan Ma-

laysia (UKM) pada 26 Februari lalu dan di Universiti Malaya pada 7 Mac lalu.

“Secara tentatif, program Foodbank Malaysia akan dimulakan di Universiti Putra Malaysia pada 21 Mac ini; Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang (23 Mac); Universiti Malaysia Pahang (1 April); Universiti Sains Malaysia (8 April), Universiti Utara Malaysia (15 April) dan Universiti Malaysia Sabah (22 April) dengan kerjasama (cawangan) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di setiap negeri.

Katanya, KPDNHEP juga dalam proses konsultasi dengan merujuk kepada pihak berkaitan untuk merangka satu rang undang-undang berkenaan pelaksanaan bank makanan di Malaysia untuk dibentangkan di Parlimen.